# Kakak sumber inspirasi adik turut sama menjadi Doktor Perubatan

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Mozaid Idris

LIHAT JUGA



Fatin Amirah YD
(/berita/fatin_am



UPM dan My Cy
regeneratif untu
(/berita/upm_da
ubatan_regener



Tambah pendap
Ramadan
(/berita/tambah_
r_ramadan-7226

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603-9769 1000
---
@ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)



**SERDANG, 25 Februari** - "Kakak saya inilah yang menjadi idola untuk saya menjadi seorang doktor perubatan," luah pegawai perubatan, Jabatan Perubatan Keluarga, Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM), Dr. Nurul Huda Mohd Nor.

Beliau yang juga pensyarah di Jabatan Anatomi Manusia, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UPM berkata kakaknya, Dr. Khadijah Mohd Nor merupakan insan pertama yang menghadiahkan beliau stetoskop.

Dr. Khadijah merupakan pensyarah perubatan dan pakar bedah dalam Otorinolaringologi (ORL) HPUPM yang memberikan khidmat bagi masalah berkaitan telinga, hidung, dan tekak (ENT) dan pembedahan kepala dan leher (HNS).




Dr. Huda berkata dirinya tertarik menjadi doktor apabila melihat Dr. Khadijah menyambung pengajian dalam bidang perubatan selain ibu bapa mereka yang memberi pengaruh dan penerapan daripada kecil sungguhpun ibu bapa mereka bukan seorang doktor.

Menurut Dr. Khadijah pula, ibunya menjadi inspirasi untuk menjadi seorang doktor walaupun cita-citanya mahu menjadi seorang guru.

"Emak daripada kecil memang selalu terapkan bahawa cikgu dan doktor ini bagus dan sesuai untuk perempuan. Akhirnya rezeki saya menjadi kedua-dua ini iaitu pensyarah dan doktor.

"Saya merupakan anak kedua daripada lapan beradik dan perempuan sulung. Jadi, saya juga memberi dorongan serta galakkan kepada adik-adik untuk menjadi doktor. Syukur, lima daripada kami merupakan doktor" katanya.

Tambahnya, buku teks bidang perubatan juga mahal jadi beliau akan berkongsi buku dan mengurangkan beban masing-masing.

Mengulas lanjut, Dr. Khadijah berkata beliau yang melihat adik-adiknya dilahirkan di rumah oleh bidan menjadi antara titik permulaan minatnya menjadi doktor.

"Saya lahir pada tahun 1979 dan pada zaman itu ramai ibu-ibu yang bersalin di rumah. Setiap kali bidan keluar daripada rumah semua orang gembira. Saya kagum melihat keajaiban ini pada ketika itu, “katanya.

Bagaimanapun, adik-beradik ini tidak merancang untuk bekerja di HPUPM bersama kerana Dr. Huda terlebih dahulu memulakan karier sebagai doktor pelatih di UPM pada 2014 manakala Dr. Khadijah pada 2016 sebagai Pensyarah perubatan dan Pakar Bedah ORL.



Mengulas lanjut, mereka berkata menjadi seorang doktor sudah semestinya bukan sesuatu yang mudah bahkan dalam kehidupan sudah semestinya ada jatuh bangunnya.

Namun, kedua-dua mereka yang berasal dari Pahang ini sentiasa berpegang pada nasihat ibu agar tidak berhenti melakukan perkara yang sudah dimulakan.

"Emak kami selalu nasihat, berehat jika perlu tetapi jangan berhenti. Bergerak ke hadapan dan emak punya nasihat ini sehingga sekarang semua anak-anaknya gunakan.

"Selain itu, jadikan juga pekerjaan sebagai satu ibadah," kata mereka. -UPM

Tarikh Input: 27/02/2023 | Kemaskini: 27/02/2023 | hairul_nizam

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fkakak_sumber_inspirasi_adik_turut_sama_menjadi_doktor_perubatan-71615&title=Kakak%20Sumber%20Inspirasi%20Adik%20Turut%20Sama%20Menjadi%20Doktor%20Perubatan%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

## HUBUNGI KAMI


**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM
Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

-

pspk@upm.edu.my


TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

## PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

## PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)

Keluarga Malaysia (https://keluargamalaysia.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)

Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

## PAUTAN PANTAS

**FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)**

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

Takwim UPM 2023 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20221222122346LAMPIRAN_1_TAKWIM_MAJLIS_RASMI_UPM_2023.pdf)

(http://putra.upm.edu.my)

(http://www.pertanika.upm.edu.my)

(http://www.psasir.upm.edu.my/)

(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Soal Kerap

(http://reg.upm.edu.my/eISO/)

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

© 2023 Universiti Putra Malaysia

WWEGJAn:09:43